1. 1. (a) Apakah tindakan yang perlu diambil jika terdapat akaun tergantung ? [2]

(b) Berikut adalah urus niaga yang berlaku bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan tidak ada kaitan antara satu dengan lain.

(1) Pendapatan sewa diterima sebanyak RM 24,000 adalah bagi tahun berakhir 30 April 2019. Nilai ini direkodkan sebagai pendapatan sewa bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

(2) Pada 1 Januari 2018 , syarikat telah memperolehi sebidang tanah . Di atas tanah itu terdapat sebuah bangunan lama. Syarikat telah membayar RM 250,000 untuk kedua-dua tapak tanah dan bangunan. Bangunan lama kemudian dirobohkan dan di atas tapaknya akan dibina bangunan baru. Kos merobohkan bangunan lama dan meratakan tanah berjumlah RM 25,000 . Kos ini telah dicajkan sebagai belanja dalam tempoh semasa.

(3) Syarikat telah membeli tiga buah komputer dengan harga RM 3,000 sebuah untuk kegunaan pejabat . Oleh sebab teknologi komputer begitu cepat berubah , perolehan ini telah dicajkan sebagai belanja dalam tempoh semasa

(4) Encik Maniam menyewa dua tingkat rumah kedai. Tingkat bawah digunakannya untuk perniagaan kedai runcit , manakala tingkat atas dijadikan tempat tinggalnya sekeluarga. Sewa tahunan ialah RM 20,000 (RM 12,000 untuk tingkat bawah dan bakinya adalah tingkat atas). Kesemua belanja sewa telah direkodkan sebagai belanja sewa kedai runcit.

(5) Pada akhir tahun 2018, kos inventori akhir ialah RM 225,000 ,tetapi nilai pasarannya ialah RM 185,000. Syarikat telah melaporkan inventori pada kos.

Bagi setiap perkara di atas, anda dikehendaki:

(i) Nyatakan prinsip dan amalan perakaunan yang terlibat. [2½]

(ii) Sediakan catatan jurnal yang terlibat untuk membetulkannya agar sesuai dengan prinsip perakaunan yang diterima umum. [5½]

(iii) Tunjukkan kesan terhadap untung rugi, aset, liabiliti dan ekuiti jika tindakan sewajar diambil. [10]

2 (a) Syarikat Purnama Sdn. Bhd. Merupakan syarikat yang menjual perabot di sekitar bandar Ipoh. Syarikat menggunakan Sistem Inventori Berterusan. Berikut merupakan urusniaga belian dan jualan syarikat dalam tahun 2019.

Tarikh	**Urusniaga**		**Baki (unit)**
	Belian	**Jualan**	
1 Jan	50 unit @ RM120		50
5 Feb		20 unit @ RM280	30
4 Mac	70 unit @ RM220		100
9 Jun		70 unit @ RM400	30
10 Ogos	80 unit @ RM170		110
16 Sept		60 unit @ RM210	50
21 Okt	140 unit @ RM160		190
13 Nov		90 unit @ RM300	100

Maklumat tambahan: Belanja operasi RM18,000

Dikehendaki:

i. Hitung inventori akhir dan kos barang dijual dengan menggunakan kaedah Masuk Dulu Keluar Dulu (MDKD) dan kaedah Masuk Kemudian Keluar Dulu (MKKD).

[6]

ii. Sediakan Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 bagi kedua-dua kaedah.

[4]

(b) Petikan Imbangan Duga Syarikat Duta Sdn. Bhd. Pada 31 Mac 2019 adalah seperti yang berikut:

Syarikat Duta Sdn.Bhd.
Imbangan Duga Pada 31 Mac 2019

	Debit	**Kredit**
	RM	**RM**
Kenderaan	65,000	
Susutnilai terkumpul		24,375

Pihak pengurusan telah menetapkan susut nilai kenderaan adalah pada kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.

Pada 30 Jun 2019, syarikat telah membuat keputusan untuk menukar beli kenderaan berkenaan dengan sebuah kenderaan baru. Nilai pasaran kenderaan lama berkenaan ialah RM28,000 dan syarikat terpaksa membayar lagi RM 60,000 dengan cek untuk memperoleh kenderaan yang baru ini.

Pada 31 Mac 2020, Syarikat Duta Sdn. Bhd. telah membeli lagi sebuah kenderaan baru dengan kos RM78,000. Syarikat telah membayar 10% daripada kos dengan cek dan bakinya adalah dengan pinjaman selama 7 tahun dan faedah pinjaman adalah pada kadar 4% setahun.

Di samping kos pembelian itu, syarikat terpaksa membayar kos lain yang berkaitan iaitu cukai jalan RM250, insurans kenderaan tahun pertama RM1,500 , pemasangan cermin gelap RM800 dan mengecat warna dan logo syarikat sebanyak RM400.

Tahun perakaunan syarikat berakhir pada 31 Mac setiap tahun.

Dikehendaki:

Menyediakan catatan jurnal bagi menunjukkan pelarasan dan semua urusniaga di atas untuk tahun berakhir 31 Mac 2020.

[10]

3.(a) Senarai liabiliti yang berikut dipetik daripada Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat Hisham Sdn.Bhd. pada 30 Jun 2019.

	RM
Bank overdraf	20,000
Akaun Belum Bayar	21,300
Gaji Belum Bayar	4,800
Faedah Belum Bayar	300
Nota Belum Bayar 8%	15,000
Pinjaman 8%	60,000
Hasil Belum Terperoleh	7,200

Selain baki-baki di atas, terdapat beberapa urusniaga yang berkaitan dengan liabiliti perniagaan yang belum diambil kira pada hari penutupan akaun pada 30 Jun 2019. Urusniaga tersebut adalah seperti yang berikut :

(1) Nota belum bayar 8% telah diterbitkan pada 1 Apr 2018 untuk belian komputer dan akan matang dalam tempoh 12 bulan.

(2) Penyata Bank bagi bulan Jun 2019 yang diterima pada 5 Julai 2019 menunjukkan faedah atas overdraf bank berjumlah RM1,200.

(3) Pinjaman bank 8% telah diterima pada 1 Okt 2018 dengan bayaran ansuran tahunan sebanyak RM12,000 berserta faedah pada setiap 30 Sept.

(4) Satu pesanan belian secara kredit bernilai RM8,300 yang dibuat pada pertengahan Jun 2019 telah dihantar oleh pembekal tetapi syarikat belum merekodkannya dalam buku perniagaan.

(5) Sebanyak 60% daripada hasil belum terperoleh telah diiktiraf.

(6) Syarikat menawarkan khidmat penghantaran barang dari rumah ke rumah. Seorang pelanggan telah memesan beberapa barang yang bernilai RM3,800 dan membayar amaun itu pada 28 Jun 2019, dan bayaran itu telah direkodkan dalam akaun jualan. Namun, disebabkan syarikat mengalami masalah kekurangan inventori, hanya barang bernilai RM1,700 yang telah dihantar kepada pelanggan berkenaan. Barang selebihnya akan dihantar dalam bulan Julai 2019.

(7) Syarikat mulai menyewa gudang menyimpan inventori pada bulan November 2018 dengan sewa bulanan RM2,200. Bayaran sewa dibuat setiap tiga bulan. Sewa untuk bulan Mei, Jun dan Julai 2019 yang berjumlah RM6,600 akan dijelaskan pada akhir bulan Julai 2019.

(8) Pada 2 Julai 2019, syarikat telah menerima bil air dan bil elektrik bagi bulan Jun yang masing-masing berjumlah RM560 dan RM1,120.

Dikehendaki:

(i) Sediakan catatan jurnal untuk merekodkan urusniaga di atas bagi tahun berakhir 30 Jun 2019.

[11]

(ii) Sediakan bahagian liabiliti semasa dan liabiliti bukan semasa bagi Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat Hisham Sdn. Bhd. Pada 30 Jun 2019.

[5]

(b) Beri **dua** perbezaan antara liabiliti semasa dan liabiliti bukan semasa. [2]

(c) Berikan **dua** alasan mengapa liabiliti diklasifikasikan kepada liabiliti semasa dan liabiliti bukan semasa.

[2]

4. (i) Berikan **dua** sebab kenapa masih terdapat rekod tak lengkap ? [2]

(ii) Encik Hashim, pemilik kedai Sinar Trading yang menjual lampu hiasan, memulakan perniagaannya pada 1 Januari 2018. Semenjak perniagaan mula beroperasi, tiada rekod lengkap yang disimpan. Baki yang berikut diperoleh daripada rekod yang disimpan.

	31/12/2018 **RM**	**31/12/2019** **RM**
Premis	10,000	10,000
Kelengkapan (kos pada 1 Jan 2018)	5,000	5,000
Inventori	4,000	3,700
Akaun belum terima	650	340
Akaun belum bayar	1,250	1,550
Insurans bayar dahulu	200	400
Utiliti belum bayar	175	60
Bank	3,000	?
Tunai	500	250
Pinjaman	15,000	12,000
Sewa dibayar terdahulu	900	-
Sewa dibayar terakru	-	1,200
Peruntukan hutang ragu	65	?
Modal	7,760	

Maklumat tambahan :

(1) Ringkasan pembayaran tunai bagi tahun berakhir 2019 adalah seperti berikut :

	RM
<u>Pembayaran</u>	
Tunai dibankkan	51,000
Belian	24,000
Belanja am	125
Belanja utiliti	65

Skema jawapan percubaan semester 1 STPM 2021

1(a) Tindakan yang diambil adalah :

- Membuat catatan jurnal pelarasan atau membetulkan kesilapan /
- Melakukan siasatan untuk mengenalpasti punca wujudnya akaun tergantung /

[/1m=2m]

(b)

(1) (i) Prinsip pemadanan atau prinsip akruan /

	Dt (RM)	Kt (RM)
(ii) Hasil sewa (RM 24 000 x 4/12)	8 000 //	
Sewa diterima terdahulu / Hasil sewa belum terperoleh		8 000/
(membetulkan hasil sewa termasuk hasil terdahulu)		

(iii) Kesan ke atas :-

Untung	Ekuiti	Liabiliti	Aset
Turun RM 8 000 /	Turun RM 8 000 /	Naik RM 8 000 /	Tiada kesan /

(2) (i) Prinsip kos sejarah /

(ii) Tanah	25 000 /	
Belanja meroboh dan meratakan bangunan		25 000 /
(membetulkan kos meroboh & meratakan sebagai belanja hasil)		

(iii) Kesan ke atas :

Untung	Ekuiti	Liabiliti	Aset
Naik RM 25 000 /	Naik RM 25 000 /	Tiada kesan /	Naik RM 25 000 /

(3)(i) Prinsip pemadanan atau prinsip kematerialan /

(ii) Komputer /Alat Pejabat	9 000 /	
Belanja komputer/ Belanja pejabat		9 000 /
(membetulkan belian komputer untuk kegunaan pejabat direkodkan sebagai belanja hasil)		

(iii) Kesan ke atas :

Untung	Ekuiti	Liabiliti	Aset
Naik RM 9000 /	Naik RM 9 000 /	Tiada kesan /	Naik RM 9 000 /

(4) (i) Prinsip entiti berasingan /

(ii) Ambilan	8000/	
Belanja sewa		8000 /
(membetulkan bayaran sewa termasuk sewa kediaman keluarga)		

(iii) Kesan ke atas :-

Untung	Ekuiti	Liabiliti	Aset
Naik RM 800/	Tiada kesan/	Tiada kesan /	Tiada kesan/

(5) (i) Prinsip konservatisma /		
(ii) Perdagangan Inventori (membetulkan kos inventori dinilaikan pada kos lebih tinggi daripada nilai pasaran)	40 000 /	40 000 /

(iii) Kesan ke atas :-

Untung	Ekuiti	Liabiliti	Aset
Turun RM 40 000 /	Turun RM 40 000 /	Tiada kes an /	Turun RM 40 000/

(*kalau tiada keterangan jurnal, tolak 1/4m untuk setiap satu)

[/ ½ m = 36/2 = 18m]

Soalan 2 (a)

(I) **MDKD**

Inventori akhir = 100 x RM160 = RM 16,000 /

Kos barang dijual

20 x RM120 = RM 2,400 /

30 x RM120 = RM3,600 } /
40 x RM220 = RM8,800 }

30 x RM220 = RM6,600 } /
30 x RM170 = RM5,100 }

50 x RM170 = RM8,500 } /
40 x RM160 = RM6,400 }
KBDJ RM41,400

MKKD

Inventori akhir

30 x RM120 = RM 3,600 /
20 x RM170 = RM 3,400 /
50 x RM160 = RM 8,000 /
RM15,000

Kos barang dijual

20 x RM120 = RM2,400 /
70 x RM220 = RM15,400 /
60 x RM170 = RM10,200 /
90 x RM160 = RM14,400 /
RM42,400 (12 / x ½ = 6m)

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta